

01/07/2002

Penerbangan domestik LTSAAS berakhir Khamis

Jami'ah Shukri; Yooga Rani Murugiah

KUALA LUMPUR, Ahad - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang yang dibina pada 1965 dan menjadi mercu tanda negara akan terus tercatat dalam sejarah apabila operasi domestik penerbangannya berpindah mulai esok.

Penerbangan Malaysia (MAS) akan berpindah esok, manakala AirAsia Sdn Bhd (AirAsia) Khamis ini.

Berikutan perpindahan dua syarikat penerbangan domestik itu, Terminal Tiga hanya digunakan sebagai pusat penerbangan bagi pesawat ringan, iaitu Berjaya Air dan pengendali kargo, Transmile Air.

Selain itu, Terminal Tiga juga akan digunakan untuk jet persendirian, sewa khas dan pesawat tentera.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan Perkhidmatan Trafik Udara Malaysia Airport Holdings Berhad (MHAB), Azmi Murad, berkata penyatuan semua operasi domestik ke KLIA adalah sebahagian daripada wawasan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk meletakkan KLIA sebagai pintu masuk utama serantau.

"Ia juga menyediakan kemudahan perkhidmatan bertaraf dunia, selain menyokong program pembangunan di KLIA serta menampung pertumbuhan penerbangan domestik pada masa depan.

"Perpindahan MAS dan AirAsia itu juga akan meningkatkan jumlah penumpang ke KLIA sehingga 17 juta orang, berbanding sekarang 14.6 juta atau peningkatan sebanyak 2.6 juta orang.

"Langkah terbabit juga akan menyebabkan KLIA mengendalikan sebanyak 585 penerbangan sehari, berbanding 354 penerbangan sehari sekarang," katanya.

Azmi berkata, LTSAAS yang dibina dengan kos RM56 juta itu memainkan tugas cukup penting dan besar dalam pembangunan ekonomi dan sejarah penerbangan negara.

Katanya, pembinaan lapangan terbang itu bermula apabila Lapangan Terbang Sungai Besi, tidak lagi mampu menampung jumlah penumpang yang meningkat setiap tahun, selain keperluan kemudahan dan keselesaan pada masa depan.

"Kini pengguna domestik akan menggunakan sepenuhnya KLIA dan diharapkan kawasan sekitar akan turut menerima limpahan ekonomi seperti yang dirasai kawasan sekitar LTSAAS.

"KLIA kini dikagumi dan kini menduduki tempat ketiga bagi kategori penumpang kelas perniagaan berdasarkan laporan pemantauan global oleh Persatuan Pengangkutan Penerbangan Antarabangsa (IATA)," katanya.

Beliau berkata, orang ramai tidak perlu bimbang dan boleh membuat pilihan untuk ke KLIA, kerana kerajaan sudah menyediakan kemudahan pengangkutan awam termasuk kereta api laju, Ekspres Rail Link (ERL), teksi, bas (Airport Coach) dengan menawarkan tambang berpatutan.

Sementara itu, orang ramai yang ditemui berkata, penutupan operasi LTSAAS sedikit sebanyak merugikan mereka yang menggunakan lapangan terbang itu sebagai pilihan utama.

Pasangan ahli perniagaan, Faridah Arshad, 38, dan suaminya Hashim Kasim, 39, yang sering menggunakan lapangan terbang itu menganggap penutupan operasi itu sebagai satu kerugian.

"Saya sedih dengan penutupan operasi di LTSAAS ini, kerana orang ramai terutama pengguna seperti kami yang menetap berhampiran ibu kota menggunakan khidmatnya setiap tahun antara empat hingga lima kali setahun, bagi urusan perniagaan.

"Selain menjimatkan masa dan kos pengangkutan, semua kemudahan lain

sudah tersedia di LTSAAS. Bagaimanapun, saya tidak nafikan kepentingan KLIA dan sudah tiba masanya kita menyesuaikan diri mengikut perubahan demi perkembangan dan imej penerbangan negara," katanya.

Beliau dan suaminya, Hashim adalah antara penumpang yang ditemui sebaik saja mereka tiba di LTSAAS dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak menerusi penerbangan terakhir MAS, MH 2905, hari ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Mac lalu, mengumumkan penerbangan domestik di LTSAAS, membabitkan MAS dan AirAsia akan dipindahkan ke KLIA, di Sepang, bermula Julai ini, selaras dengan pembukaan operasi ERL dari KL Sentral ke KLIA.

Seorang lagi penumpang dari pesawat yang sama, Shah Alam Khan, 34, berkata penutupan operasi lapangan terbang itu adalah sesuatu yang tidak boleh dilupakan oleh semua pengguna setia, terutama warga kota kerana ia terkenal dengan lokasinya yang strategik.

Pembantu Teknologi Maklumat, Siaw Chi Wei, 25, yang turut sedih dengan penutupan operasi itu berkata, LTSAAS dengan jarak lokasi serta kemudahan tempat letak kereta lebih memudahkannya.

Beliau yang sering menggunakan LTSAAS untuk ke destinasi dalam negara seperti Kuching, Kota Kinabalu dan Pulau Pinang berkata, kini beliau tidak mempunyai pilihan lain selain menggunakan KLIA.

"Bagaimanapun saya bangga KLIA adalah lambang kemajuan negara dan oleh itu masyarakat perlu beri sokongan penuh supaya dunia luar terus memandangi tinggi kemampuan negara.

"Ini kerana kemudahan dan teknologi yang disediakan daripada daftar masuk hingga kepada penumpang berlepas adalah yang terbaik dan bertaraf dunia," katanya.

Bagaimanapun pasangan paling bahagia dan akan menyimpan kenangan manis itu hari ini ialah pengantin baru, Dr Kam Kiew Meng, 28, dan Sia Wei Wei, 26, yang menaiki pesawat sama.

Mereka dirai dengan meriah oleh kakitangan MAS, sempena perpindahan operasi itu ke KLIA.

Pasangan itu yang tiba di LTSAAS kira-kira jam 12 tengah hari, berkata kenangan itu tidak akan dapat dilupakan seumur hidup.

Dr Kam, Pakar Perunding di Singapura dan berasal dari Kelana Jaya mengucapkan terima kasih kepada MAS yang bertungkus lumus membuat segala persiapan bagi menyambut beliau dan isterinya bermula di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching sehingga mereka tiba di LTSAAS.

Katanya, beliau juga menghargai jasa baik MAS yang mengurus perjalanan dengan baik, termasuk menjaga makan minum pasangan itu selama berada dalam pesawat.

"Hari ini paling bertuah bagi saya dan sudah tentu kami tidak dapat lupakan kerana dapat menyambut hari perkahwinan kami bersama kakitangan MAS. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan dan pihak pengurusan MAS," katanya selepas beliau dan isterinya diiringi kakitangan MAS dengan paluan kompang sebaik tiba di Balai Ketibaan di Terminal 3.

Pasangan itu, termasuk semua penumpang lain dari penerbangan yang sama dihiburkan dengan nyanyian selain dihidang dengan pelbagai makanan enak bagi memeriahkan lagi sambutan majlis perkahwinan. Selain itu, pasangan berkenaan turut diberikan hadiah dan sejambak bunga.

Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat MAS, Dr Mohamadon Abdullah, berkata penerbangan terakhir pada hari ini ialah MH1984 Subang-Kota Bharu jam 8.30 malam, manakala ketibaan terakhir MH1977 dari Kuala Terengganu-Subang, jam 9.35 malam.